

## Amalan Guru Pendidikan Islam Dalam Menyampaikan Dakwah Kepada Komuniti Pekak

(*The Practices of Islamic Education Teachers in Delivering Dakwah to the Deaf Community*)

Syar Meeze Mohd Rashid

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Mohammad Faris Ridhuan Che Hussin

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

### Abstrak

Dakwah dalam Islam merupakan pendidikan rabbani yang bertujuan mengajak dan membentuk insan taat kepada syariat Allah SWT. Selaras dengan konsep Islam yang syumul, penyampaian dakwah perlu merangkumi semua golongan termasuk Orang Kurang Upaya (OKU), khususnya komuniti pekak. Dalam konteks ini, guru Pendidikan Islam memainkan peranan penting dalam memastikan dakwah disampaikan secara berkesan kepada komuniti tersebut. Kajian ini dijalankan untuk meneliti sikap, amalan dan kemahiran guru Pendidikan Islam dalam menyampaikan dakwah kepada komuniti pekak. Antara isu yang dikenal pasti termasuklah penguasaan ilmu fardu ain yang lemah, masalah tingkah laku, serta kurangnya fokus terhadap dakwah kepada golongan ini. Lima orang guru Pendidikan Islam dari Negeri Sembilan dan Johor yang berpengalaman mengajar komuniti pekak telah dipilih sebagai peserta kajian. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif melalui temu bual separa berstruktur secara fizikal dan atas talian. Persampelan bertujuan digunakan bagi memastikan hanya peserta yang memenuhi kriteria dipilih. Dapatkan menunjukkan bahawa semua peserta memiliki sikap positif, pengetahuan dan kemahiran yang sesuai dalam menyampaikan ajaran Islam secara inklusif kepada komuniti pekak. Kajian ini dijangka memberi input berguna kepada penggubal dasar dan pelaksana pendidikan Islam mengenai keperluan meningkatkan latihan serta kemahiran guru yang terlibat dalam dakwah kepada komuniti pekak. Justeru, disarankan agar pihak berkaitan menganjurkan program pemantapan pengajaran bagi meningkatkan keberkesanan dakwah dalam kalangan komuniti ini.

**Kata kunci:** Guru Pendidikan Islam, Dakwah, Komuniti Pekak

### Abstract

Dakwah in Islam is a form of divine education aimed at guiding and shaping individuals to be obedient to the laws of Allah SWT. In line with the comprehensive nature of Islam, Dakwah should encompass all groups, including Persons with Disabilities (PWDs), particularly the deaf community. In this context, Islamic Education teachers play a crucial role in ensuring that Dakwah is effectively delivered to this community. This study aims to examine the attitudes, practices, and skills of Islamic Education teachers in delivering Dakwah to the deaf community. Key issues identified include weak mastery of basic Islamic knowledge (*fardu ain*), behavioural challenges, and limited focus on Dakwah efforts for this group. Five Islamic Education teachers from Negeri Sembilan and Johor with experience in teaching the deaf community were selected as participants. This qualitative study employed semi-structured interviews conducted both in person and online. Purposive sampling was used to ensure that only participants who met the specific criteria were selected. The findings revealed that all participants demonstrated positive attitudes, appropriate knowledge, and relevant skills in conveying Islamic teachings inclusively to the deaf community. This study is expected to provide valuable input for policymakers and Islamic education implementers on the need to enhance training and competencies for teachers involved in Dakwah for the deaf. Therefore, it is recommended that relevant authorities organise professional development programmes to improve the effectiveness of Dakwah delivery to this community.

### Article Progress

Received: 24 April 2025

Revised: 06 May 2025

Accepted: 20 May 2025

**Keywords:** Islamic Education Teacher, Dakwah, Deaf Community

## 1. PENGENALAN

Dakwah dalam Islam merupakan suatu bentuk pendidikan rabbani yang bertujuan untuk mengajak, mendidik dan membentuk insan yang patuh kepada syariat Allah SWT (Nik Shabery et. al., 2022). Perkara ini merupakan satu kewajipan yang dipertanggungjawabkan ke atas setiap individu Muslim dalam menyampaikan ajaran Islam kepada orang lain secara berhemah dan berkesan. Dalam konteks Islam yang bersifat syumul, penyampaian dakwah tidak seharusnya tertumpu kepada kelompok tertentu sahaja sebaliknya perlu meliputi seluruh lapisan masyarakat termasuklah golongan Orang Kurang Upaya (OKU) seperti komuniti pekak.

Guru Pendidikan Islam memainkan peranan penting dalam menyampaikan ilmu dan mesej Islam secara langsung kepada masyarakat termasuk komuniti pekak. Menurut Mohd Huzairi et. al., (2015), kelompok yang mengalami kekurangan dari segi pendengaran dan penglihatan juga merupakan golongan mukallaf yang perlu diberikan pendidikan agama secara adil dan inklusif. Justeru, usaha dakwah kepada komuniti ini memerlukan pendekatan yang khusus agar penyampaian mesej Islam dapat difahami dan diamalkan dengan sempurna.

Komuniti pekak memerlukan strategi dakwah yang berbeza daripada golongan tipikal kerana batasan komunikasi yang dihadapi. Sehubungan itu, guru Pendidikan Islam perlu dilengkapi dengan sikap positif, ilmu yang mantap dan kemahiran yang bersesuaian agar dapat menyampaikan dakwah dengan cara yang efektif dan inklusif. Namun begitu, pelaksanaan dakwah kepada komuniti pekak masih kurang diberi perhatian dan berada pada tahap yang rendah, baik di peringkat institusi pendidikan maupun badan bukan kerajaan (Ab Aziz et. al., (2009).

Antara cabaran utama ialah kekurangan guru yang berkemahiran dalam komunikasi dengan komuniti pekak serta ketiadaan modul dakwah yang khusus (Rashid et. al., 2017). Hal ini menimbulkan keperluan mendesak untuk menilai dan memperkuuh peranan guru Pendidikan Islam dalam menyampaikan dakwah kepada komuniti ini. Justeru, kajian ini dijalankan bagi meneliti sikap, amalan dan kemahiran guru Pendidikan Islam dalam pelaksanaan dakwah terhadap komuniti pekak, agar usaha ini dapat diselaraskan dengan keperluan sebenar dan mencapai keberkesan yang diharapkan.

## 2. PENYATAAN MASALAH

Dakwah merupakan suatu tanggungjawab yang wajib dilaksanakan oleh setiap Muslim, tanpa mengira latar belakang mahupun keupayaan fizikal. Dalam konteks Orang Kurang Upaya (OKU), khususnya komuniti pekak, isu berkaitan pendidikan Islam dan dakwah tidak boleh dipisahkan. Walaupun mereka mempunyai kekangan dari segi pendengaran dan komunikasi, keupayaan yang terhad ini tidak mengecualikan mereka daripada tuntutan syariat. Namun begitu, pelbagai isu masih membelenggu golongan ini, terutamanya dari sudut penguasaan ilmu fardu ain, masalah tingkah laku serta kekurangan tumpuan dalam pelaksanaan dakwah terhadap mereka.

Pertama, penguasaan ilmu fardu ain dalam kalangan komuniti pekak didapati amat lemah. Hasil kajian Mohd Huzairi et. al., (2015) mendapati ramai dalam kalangan mereka tidak dapat menyatakan kalimah syahadah, rukun Islam dan iman, bahkan tidak memahami asas ibadah seperti cara bersuci dan mandi wajib. Keadaan ini membimbangkan kerana ia menunjukkan ketidaksampaian ilmu asas Islam yang sepatutnya difahami oleh setiap Muslim. Malah, wujud kes di mana individu pekak tidak mengetahui hukum berkaitan perkahwinan, penceraian, dan murtad, menunjukkan betapa seriusnya jurang ilmu yang wujud.

Kedua, kelemahan dalam pendidikan agama turut menyumbang kepada gejala sosial dalam kalangan komuniti ini. Masalah tingkah laku seperti pergaulan bebas, menonton bahan lucah serta

gaya hidup yang tidak selari dengan ajaran Islam sering dilaporkan. Kekosongan ilmu dan kekangan komunikasi menyebabkan mereka terdedah kepada pengaruh negatif, tanpa ada asas iman dan taqwa yang menjadi benteng dalam kehidupan.

Ketiga, terdapat kekurangan dari segi pendekatan dakwah yang bersesuaian untuk komuniti pekak. Menurut Mohd Huzairi et al. (2015), usaha dakwah terhadap golongan ini masih kurang diberi perhatian. Pendakwah dan guru Pendidikan Islam tidak dilengkapi dengan kemahiran serta kaedah yang sesuai untuk menyampaikan ilmu kepada golongan pekak. Ketidakhadiran modul pengajaran khusus serta pengabaian terhadap komuniti minoriti ini menyebabkan mereka terus terpinggir daripada arus pendidikan Islam yang inklusif.

Sehubungan itu, usaha untuk menggerakkan dakwah kepada komuniti pekak perlu diyatkan dengan pendekatan yang lebih sistematik dan berfokus. Guru Pendidikan Islam yang memainkan peranan sebagai agen penyampai ilmu perlu diberi perhatian, khususnya dalam aspek sikap, pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan dakwah secara efektif kepada komuniti ini. Justeru, kajian ini dijalankan bagi meneliti tahap kesiapsiagaan guru Pendidikan Islam dalam memenuhi tanggungjawab dakwah terhadap komuniti pekak secara holistik dan inklusif.

### 3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini melibatkan lima orang guru Pendidikan Islam yang berkhidmat di Negeri Sembilan dan Johor. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah kualitatif, dengan pengumpulan data dijalankan melalui temu bual separa berstruktur secara bersemuka dan dalam talian. Kaedah persampelan bertujuan telah digunakan bagi memastikan hanya peserta yang memenuhi kriteria tertentu dipilih sebagai informan kajian. Kriteria utama pemilihan adalah guru Pendidikan Islam yang mempunyai pengalaman mengajar serta terlibat secara langsung dalam penyampaian ilmu agama kepada komuniti pekak. Pemilihan informan ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang mendalam bagi menjawab persoalan dan objektif kajian secara deskriptif.

Instrumen temu bual yang dibangunkan merangkumi tiga bahagian utama. Bahagian A menumpukan kepada tema sikap guru dalam menyampaikan dakwah kepada komuniti pekak; Bahagian B merangkumi pengetahuan mereka berkaitan keperluan dakwah terhadap golongan tersebut; dan Bahagian C meneliti kemahiran guru dalam menyampaikan ajaran Islam kepada komuniti ini. Setiap bahagian mengandungi dua hingga tiga soalan separa berstruktur yang dirangka selari dengan objektif kajian. Rangka kerja kajian ini berpandukan Teori Iceberg oleh Hay McBer (1996), yang mengetengahkan tiga komponen utama kompetensi individu iaitu sikap, pengetahuan dan kemahiran (Jerki et. al., 2020).

Bagi menjamin kesahihan dan kebolehpercayaan instrumen temu bual, pengkaji telah mendapatkan pengesahan daripada tiga orang pakar yang berkelayakan dalam bidang bahasa Melayu, Kualitatif dan Pendidikan Khas. Nilai kebolehpercayaan instrumen diuji menggunakan analisis Cohen's Kappa bagi menilai tahap persetujuan antara pakar penilai. Berdasarkan analisis yang dijalankan, nilai persetujuan Cohen Kappa yang diperoleh 0.86 untuk item temu bual.

#### 4. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

##### Tema 1 : Sikap Guru Pendidikan Islam dalam Menyampaikan Dakwah kepada Golongan Pekak

Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam mempunyai sikap positif dan proaktif dalam menyampaikan pengajaran dakwah kepada murid pekak. Sikap tersebut dapat dilihat menerusi persediaan rapi sebelum pengajaran, usaha menguasai Bahasa Isyarat, kesedaran terhadap keperluan emosi dan komunikasi golongan pekak, serta keterlibatan dalam latihan peningkatan profesional.

Analisis temu bual daripada lima orang guru Pendidikan Islam yang terlibat menunjukkan pelbagai bentuk amalan yang mencerminkan sikap dedikasi dan tanggungjawab mereka dalam proses dakwah kepada komuniti pekak. Jadual 1 di bawah merumuskan petikan temu bual bersama guru-guru terbabit:

**Jadual 1:** Petikan Temu Bual Berkaitan Sikap Guru Pendidikan Islam

Guru	Petikan Temu Bual	Fokus Sikap
Guru A	<i>"Setiap kali saya nak mengajar, saya akan semak balik RPH. Saya pastikan bahan saya sesuai dengan murid pekak, dan saya latih Bahasa Isyarat sekurang-kurangnya 15 minit sehari."</i>	Persediaan awal & latihan komunikasi
Guru B	<i>"Saya memang sentiasa bawa BBM seperti video bergambar, flashcard dan tunjuk cara solat dengan pergerakan. Golongan pekak ni kena banyak visual."</i>	Kreativiti BBM dan pendekatan visual
Guru C	<i>"Kalau saya rasa penat atau tak stabil emosi, saya tangguh dulu ajar. Sebab kalau kita marah sikit je, mereka boleh rasa dan terus menjauh."</i>	Pengurusan emosi dan kesedaran psikologi
Guru D	<i>"Saya selalu ikut bengkel Bahasa Isyarat dan kursus pendidikan khas. Saya rasa kena faham budaya pekak juga, bukan sekadar ajar macam biasa."</i>	Sikap proaktif terhadap pembangunan profesional
Guru E	<i>"Sebelum masuk kelas, saya ambil wuduk dulu, niat saya nak sampaikan agama dengan tenang. Biar murid pekak nampak Islam itu damai."</i>	Keikhlasan dan penghayatan dakwah

Temu bual yang dijalankan jelas menunjukkan bahawa guru-guru Pendidikan Islam menyedari peranan penting mereka dalam membentuk kefahaman agama dalam kalangan murid pekak. Komitmen mereka dalam membuat persediaan awal seperti penyediaan RPH, latihan Bahasa Isyarat dan pembangunan BBM menzahirkan keprihatinan terhadap keberkesan pengajaran. Dapatan ini selari dengan pandangan Abdulrasyidi et. al., (2020) yang menegaskan bahawa sikap guru mempunyai hubungan rapat dengan amalan pengajaran yang berkesan di dalam bilik darjah.

Penulisan RPH yang tersusun dan perancangan pengajaran turut disokong oleh Nor et. al., (2018), yang menyatakan bahawa perancangan awal merupakan elemen penting bagi memastikan objektif pengajaran tercapai. Tambahan pula, penggunaan BBM yang interaktif dan berunsur visual seperti yang disebut oleh Guru B amat sesuai dengan keperluan murid pekak yang banyak bergantung kepada rangsangan visual untuk memahami konsep-konsep agama.

Selain itu, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa guru mengambil berat tentang pengurusan emosi sebelum dan semasa pengajaran. Guru C menekankan kepentingan kestabilan emosi bagi mengelakkan kesan negatif terhadap murid. Kajian oleh Mohd Sani et. al., (2023) turut menegaskan bahawa tekanan emosi guru memberi impak langsung kepada kualiti PdP dan pencapaian murid, terutama murid berkeperluan khas.

Sikap proaktif guru dalam mengikuti kursus berkaitan Pendidikan Khas dan Bahasa Isyarat seperti yang dinyatakan oleh Guru D membuktikan keinginan mereka untuk sentiasa menambah baik ilmu dan kemahiran dalam bidang ini. Mohamad Salih et. al., (2018) menyatakan bahawa guru-guru perlu dilengkapkan dengan latihan dan pendedahan mencukupi agar dapat memberi perkhidmatan pengajaran yang berkualiti.

Secara keseluruhan, dapatan ini bertepatan dengan kerangka Iceberg oleh Hay McBer (1996) yang menekankan bahawa sikap merupakan elemen tersembunyi tetapi asas kepada kelakuan dan keberkesanan seseorang individu dalam tugasannya. Guru-guru Pendidikan Islam dalam kajian ini telah memperlihatkan sikap yang sejajar dengan nilai-nilai seorang pendidik dakwah yang berkesan, yakni ikhlas, penyayang, dan bertanggungjawab terhadap keperluan komuniti pekak.

## Tema 2 : Pengetahuan Guru Pendidikan Islam dalam Menyampaikan Dakwah kepada Golongan Pekak

Hasil kajian menunjukkan bahawa sebahagian guru Pendidikan Islam yang terlibat memiliki tahap pengetahuan yang baik dalam menyampaikan dakwah kepada murid pekak. Dapatkan ini menunjukkan kesesuaian dengan Model Iceberg oleh Hay McBer (1996), yang menekankan bahawa pengetahuan ialah antara elemen tersembunyi yang membentuk tingkah laku profesional seseorang. Pengetahuan yang kukuh membolehkan guru membuat penyesuaian terhadap pendekatan pengajaran, terutamanya apabila berhadapan dengan kumpulan murid yang mempunyai keperluan khas seperti murid pekak.

Menurut Leh (2009), pendidik yang berkesan perlu menguasai pelbagai bentuk pengetahuan seperti pengetahuan tentang pelajar, isi kandungan, pedagogi dan konteks pengajaran. Dapatkan kajian ini mendapati bahawa beberapa orang guru menunjukkan penguasaan terhadap aspek-aspek ini, terutama dalam menyesuaikan kandungan dakwah dengan keperluan murid pekak yang berbeza daripada murid tipikal.

**Jadual 2:** Petikan Temu Bual Berkaitan Pengetahuan Guru Pendidikan Islam

Guru	Petikan Temu Bual	Fokus Pengetahuan
Guru A	<i>“Saya faham dakwah kepada orang pekak bukan macam kita ajar murid tipikal. Kena tahu cara mereka belajar dan komunikasi mereka. Kalau tak, memang mereka tak faham.”</i>	Kefahaman konteks murid pekak
Guru B	<i>“Saya tahu betapa pentingnya ajar murid pekak tentang akidah. Sebab kalau mereka tak faham, mereka mudah ikut kawan atau percaya benda yang salah.”</i>	Pengetahuan isi dakwah & kesedaran isu akidah
Guru C	<i>“Kami guna kurikulum Qurannis, saya ajar tafsir akhyar dan terapi al-amin. Kurikulum ni memang sesuai untuk murid pekak sebab dia banyak aktiviti dan visual.”</i>	Penguasaan kurikulum khas
Guru D	<i>“Saya banyak guna visual, seperti gambar dan tayangan video. Ada juga saya tunjuk cara berwuduk atau solat secara langsung.”</i>	Pengetahuan strategi pedagogi visual
Guru E	<i>“Kalau kuliah agama biasa, murid pekak tak dapat apa-apa sebab tak ada Juru Bahasa Isyarat. Institusi agama patut ambil berat benda ni.”</i>	Kesedaran tentang cabaran sistemik dakwah

Analisis mendapati bahawa sebilangan guru Pendidikan Islam dalam kajian ini memperlihatkan pengetahuan yang relevan dan menyeluruh dalam aspek penyampaian dakwah kepada golongan pekak. Pengetahuan tersebut dapat diuraikan dalam beberapa dimensi:

### **1. Pengetahuan Teras Dakwah dan Keperluan Murid Pekak**

Guru-guru yang terlibat sedar bahawa murid pekak memerlukan pendekatan dakwah yang berbeza. Mereka menyebut kepentingan pendedahan ilmu akidah bagi mengelakkan salah faham terhadap konsep ketuhanan dan tauhid, seperti yang juga ditekankan oleh Rashid et al., (2017) & Mohamad Salih et. al., (2018).

### **2. Kesedaran terhadap Cabaran Sistemik**

Beberapa guru melaporkan cabaran seperti kekurangan Juru Bahasa Isyarat Malaysia dalam program keagamaan yang dianjurkan oleh institusi agama. Ini menyukarkan akses golongan pekak terhadap ilmu agama. Mohd Huzairi et al. (2010) menegaskan bahawa golongan pekak berhak menerima pendidikan agama sepetimana orang tipikal.

### **3. Kekangan dari Sokongan Ibu Bapa**

Terdapat juga guru yang menyuarakan kebimbangan terhadap sikap ibu bapa yang kurang mendedahkan anak pekak kepada masyarakat luar atau menyerahkan sepenuhnya tanggungjawab agama kepada sekolah. Ini menunjukkan wujudnya jurang peranan antara institusi keluarga dan sekolah, seperti yang diperjelas oleh Ibrahim et. al., (2018).

### **4. Kesulitan dalam Menyampaikan Konsep Abstrak**

Guru turut mengakui kekangan dalam menyampaikan konsep abstrak agama kepada murid pekak, terutamanya apabila guru sendiri kurang mahir dalam Bahasa Isyarat. Kajian Mohd Huzairi et al. (2010) dan Rashid et. al., (2014) menyokong kenyataan ini bahawa ketidakcekapan dalam Bahasa Isyarat menjadi halangan dalam penyampaian ilmu.

### **5. Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM)**

Guru yang ditemui bual menggunakan pelbagai bentuk BBM seperti gambar, video, dan model 3D. Mereka juga menyebut penggunaan bahan visual seperti kod tangan al-Quran, kitab Tahfiz Akhyar dan LCD PowerPoint sebagai alat bantu penting. Hal ini selari dengan pandangan Sallehin et. al., (2018), Nor et al. (2018) dan Mohamad Suhaimi et. al., (2022), bahawa bahan visual dan interaktif mampu membantu murid berkeperluan khas memahami isi pelajaran dengan baik dan berkesan.

### **6. Pengetahuan terhadap Kurikulum Pendidikan Islam Khas**

Beberapa guru dapat menjelaskan struktur kurikulum QurANIS seperti modul Tahsin Ibadah, Tilawah Asyraf, dan Terapi al-Amin. Hal ini menunjukkan bahawa mereka bukan sahaja mengikuti modul sedia ada malahan memahami rasional di sebalik penggunaannya sebagaimana yang disarankan oleh Awang et. al., (2010) dan Rashid et. al., (2018).

Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa guru-guru yang terlibat dalam kajian ini mempunyai tahap pengetahuan yang baik dalam aspek-aspek utama penyampaian dakwah kepada murid pekak. Namun, tahap pengetahuan ini tidak bersifat menyeluruh dalam kalangan semua guru secara umum. Oleh itu, intervensi berbentuk latihan berfokus dan pembangunan profesional berterusan perlu dirancang bagi meningkatkan kefahaman dan kemahiran guru secara sistematik.

## **Tema 3: Kemahiran Guru Pendidikan Islam dalam Menyampaikan Dakwah kepada Golongan Pekak**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam memiliki pelbagai kemahiran dalam menyampaikan dakwah kepada murid pekak. Kemahiran ini melibatkan penguasaan Bahasa Isyarat, penggunaan strategi visual yang sesuai, keupayaan menyesuaikan bahan bantu mengajar serta kebijaksanaan dalam mengurus keperluan komunikasi murid. Pengalaman dan kesediaan untuk terus belajar turut mempengaruhi tahap kemahiran mereka dalam mengendalikan proses penyampaian dakwah yang berkesan.

Jadual 3 di bawah merumuskan petikan temu bual berkaitan kemahiran guru dalam menyampaikan dakwah kepada komuniti pekak:

**Jadual 3:** Petikan Temu Bual Berkaitan Kemahiran Guru Pendidikan Islam

Guru	Petikan Temu Bual	Fokus Kemahiran
Guru A	<i>“Saya belajar Bahasa Isyarat sendiri mula-mula. Lepas tu, bila dah ajar, saya makin mahir sebab kena guna hari-hari.”</i>	Penguasaan Bahasa Isyarat melalui amalan harian
Guru B	<i>“Murid pekak ni perlu banyak visual. Jadi saya guna gambar, video dan kad imbas untuk bantu mereka faham konsep agama.”</i>	Strategi visual dalam penyampaian dakwah
Guru C	<i>“Pengalaman saya ajar budak pekak buatkan saya lebih sabar. Kita tak boleh ajar macam murid biasa, perlu cara berbeza.”</i>	Pengalaman membentuk pendekatan adaptif
Guru D	<i>“Saya buat bahan sendiri, kadang guna LCD dan Kod Tangan al-Quran. Kalau ikut buku semata-mata, murid cepat bosan.”</i>	Reka bentuk bahan bantu mengajar interaktif
Guru E	<i>“Kena ada usaha untuk terus belajar dan tingkatkan kemahiran. Kadang-kadang saya minta murid pekak sendiri ajar saya isyarat baru.”</i>	Pembelajaran berterusan secara interaktif

Pelbagai pandangan guru yang terlibat menunjukkan bahawa kemahiran dalam menyampaikan dakwah kepada komuniti pekak bukanlah bersifat seragam, sebaliknya dipengaruhi oleh pengalaman, kreativiti serta kesanggupan individu untuk menyesuaikan diri. Sebagai contoh, Guru A menekankan pentingnya penggunaan Bahasa Isyarat Malaysia secara konsisten dalam rutin pengajaran harian, menunjukkan kemahiran berkembang melalui amalan berterusan. Manakala Guru E pula mendedahkan inisiatifnya untuk terus belajar daripada murid sendiri, menandakan pendekatan dua hala yang memperkayakan penguasaan Bahasa Isyarat secara kontekstual.

Guru B memilih untuk memberi fokus kepada strategi visual yang pelbagai, seperti penggunaan gambar dan kad imbas bagi membantu pemahaman konsep-konsep agama. Strategi ini menggambarkan pemahaman guru terhadap keperluan pembelajaran visual murid pekak, selari dengan dapatan Mustaffa et al. (2021) bahawa pedagogi visual penting dalam pendidikan khas kerana kebergantungan tinggi murid terhadap rangsangan deria penglihatan.

Sementara itu, pengalaman panjang Guru C dalam mendidik murid pekak menjadikan beliau lebih peka terhadap perbezaan pendekatan yang diperlukan berbanding murid tipikal. Guru ini menekankan perlunya kesabaran dan penyesuaian kaedah pengajaran, seiring dengan pandangan Kaviza (2018) bahawa pengalaman guru memberi kesan besar terhadap kemampuan mengurus kelas pendidikan khas dan menyesuaikan strategi PdP.

Dari sudut kreativiti, Guru D pula menonjolkan kebolehannya mereka bahan bantu mengajar seperti penggunaan Kod Tangan al-Quran dan teknologi LCD. Langkah ini menunjukkan keberanian guru untuk melangkaui kaedah konvensional, dengan memberikan pengalaman pembelajaran yang lebih menarik dan berkesan. Hal ini disokong oleh Abdul Munir et. al., (2009) & Mohamad Salih et. al., (2018) yang menyatakan bahawa keberkesanan pengajaran agama kepada murid pekak bergantung pada kebolehan guru menyediakan bahan bantu visual yang sesuai.

Secara keseluruhan, analisis mendapati bahawa kemahiran guru dalam menyampaikan dakwah kepada komuniti pekak terbentuk daripada gabungan pengalaman, kreativiti, dan kesediaan untuk terus menyesuaikan diri. Dapatan ini sejajar dengan kerangka Iceberg oleh Hay McBer (1996), yang menekankan bahawa kemahiran merupakan elemen yang dapat diperhatikan dalam tindakan profesional seseorang guru, mencerminkan kecekapan mereka dalam melaksanakan amanah dakwah secara efektif kepada golongan berkeperluan khas.

## 5. KESIMPULAN

Secara keseluruhan, amalan guru Pendidikan Islam dalam menyampaikan ilmu dakwah kepada murid pekak berada pada tahap yang memberangsangkan. Namun begitu, penambahbaikan secara berterusan amat diperlukan khususnya dari aspek **pengetahuan, kemahiran** dan **sikap**, agar pelaksanaan pengajaran dapat diperkuuh serta kekal relevan dalam konteks pendidikan inklusif.

Model Iceberg yang menekankan tiga elemen utama iaitu sikap, pengetahuan dan kemahiran yang harus dijadikan landasan dalam membentuk kecekapan profesional dan nilai teras guru. Ketiganya elemen ini bukan sahaja menyumbang kepada keberkesanan pedagogi. Malahan menjadi asas dalam membina hubungan yang berempati dan mesra dakwah dengan komuniti orang kurang upaya pendengaran.

Pengukuhan amalan guru dalam konteks ini membawa implikasi besar terhadap pembentukan sahsiah murid pekak sebagai modal insan yang seimbang dari segi rohani dan intelek. Guru Pendidikan Islam bukan sekadar bertindak sebagai penyampai ilmu, tetapi berperanan sebagai pembimbing spiritual yang memahami keperluan komunikasi, emosi dan budaya komuniti ini.

Tambahan pula, perubahan berterusan dalam sistem pendidikan negara selari dengan pelaksanaan dasar baharu seperti Dasar Pendidikan Inklusif dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia menuntut agar guru sentiasa proaktif dalam menyesuaikan diri dengan keperluan murid berkeperluan khas. Guru yang memiliki sikap terbuka, pengetahuan mendalam, serta kemahiran pedagogi yang inklusif berupaya menangani cabaran dan memenuhi aspirasi pendidikan negara.

Justeru, pendedahan awal dan latihan sistematik berkaitan pengajaran kepada murid kurang upaya pendengaran perlu diperluas kepada bakal guru agar mereka bersedia dari segi teori dan praktikal. Kecemerlangan pengajaran kepada komuniti pekak bukan sahaja mencerminkan keberkesanan guru Pendidikan Islam, tetapi juga menjadi lambang komitmen negara dalam menyediakan pendidikan Islam yang adil, berkesan dan menyeluruh kepada semua golongan masyarakat, termasuk golongan orang kurang upaya.

## 6. PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan diucapkan kepada Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Yayasan Pendidikan al-Quran bagi Anak Istimewa (Yayasan FAQEH) atas kerjasama, sokongan dan sumbangan sepanjang pelaksanaan kajian ini.

## RUJUKAN

Ab Aziz, M. Z., Ab Majid, M. K., Ab Ghani, A., Hamat, M. F., Siren, N. R. H., & Hassan, J. (2009). Dakwah Islam terhadap orang kurang upaya. Penerbit Universiti Malaya.

Abdul Munir, I. (2012). Mengenali kaedah orang pekak berkomunikasi. 3rd International Conference on Public Policy and Social Science (ICOPS 2012), Faculty of Administrative Science and Policy Studies, Melaka, 290–297.

Abdulrasyidi, H., Zailaini, M. A., & Darussalam, G. (2020). Pelaksanaan kurikulum dipelajari dan pembelajaran Pendidikan Islam di sebuah kolej pengajian Islam Selatan Thailand. Isu dalam Pendidikan, 43.

Abd Samad, N., Wan Ahmad, W. M. R., Harun, H., Amiruddin, M. H., Hashim, S., & Ja'afar, F. (2018). Bahan bantu mengajar (BBM) dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Daerah Pontian.

Awang @ Husain, M. H., Zakaria, H. B., & Abd Rahim, R. A. (2010). Pendidikan Islam golongan masalah pendengaran: Tinjauan awal isu dan cabaran dari perspektif guru. Seminar Pengajian Islam Menjana Keintelektualan Ummah, Universiti Sains Islam Malaysia, 58(1).

Ibrahim, H., Mustapha, M., Sawai, J. P., Md Nawi, N. H., & Megat Ahmad, P. H. (2018). Peranan dan tanggungjawab ibu bapa dalam pengasuhan anak dan remaja. Asian Social Work Journal, 3(5), 18–24.

Jerki, A., & Han, C. G. K. (2020). Influence of teaching experience in knowledge, motivation and implementation of STEM teaching and learning. Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia, 10(2), 45–56.

Jusof, N., Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., Abdul Mutalib, L., Hashim, H., & Mamat, Z. (2021). Sikap guru terhadap pengajaran berpusatkan murid di kalangan guru Pendidikan Islam dalam mata pelajaran al-Quran di Sekolah Kebangsaan: Satu tinjauan. In Proceedings of the 7th International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT 2021). Universiti Sains Islam Malaysia.

Kaviza. (2018). Pengalaman mengajar atau latihan profesional guru dalam mempengaruhi penerapan kemahiran pemikiran sejarah dalam mata pelajaran Sejarah di sekolah menengah. *Educatum – Journal of Social Science (EJOSS)*, 4, 40–47.

Leh, L. Y. (2009). Perbezaan penguasaan antara teras pengetahuan mengajar di kalangan pensyarah Politeknik Sarawak. Seminar Cabaran Pendidikan Di Politeknik 2009.

Mohamad Salih, M. A., Saparuddin, I. F., & Aini, Z. (2018). Realiti cabaran pendakwah terhadap orang kelainan upaya penglihatan. Human Sustainability Procedia. Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Mohd Huzairi, A., Zakaria, H. B., Mohd Shafie, B. H., Talib, N. H. F., & Kassim, N. (2010). Persepsi pelajar bermasalah pendengaran terhadap pembelajaran Fardhu Ain: Cabaran terhadap guru. In Proceedings of the 4th International Conference on Teacher Education: Joint Conference UPI & UPSI (pp. 240–250).

Mohd Huzairi, A., Zakaria, H. B., Mohd Shafie, B. H., Talib, N. H. F., & Kassim, N. (2015). Kepentingan Dakwah kepada Golongan Bermasalah Pendengaran: Satu Keperluan.

Mohamad Suhaimi, N. A., & Alias, A. (2022). Pengetahuan guru Pendidikan Khas terhadap bahan bantu mengajar visual, auditori dan kinestetik yang sesuai terhadap murid berkeperluan khas. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), e001526.

Mohd Sani, N. N., Surat, S., & Rahman, S. (2023). Kecerdasan emosi dan burnout guru. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(2), 134–146.

Nik Shabery, N. A. F., Jaafar, N., & Muhamad, N. A. F. (2022). Isu dan cabaran dakwah kepada OKU: Analisis tinjauan literatur sistematik. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 8(2), 15–27.

Nor, S. M., & Rashed, Z. N. (2018). Peranan dan cabaran guru-guru Pendidikan Khas membentuk kemenjadian murid-murid masalah pendengaran dalam Abad ke-21. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 1(1).

Rashid, S. M. M., Alias, N., Jomhari, N., Yusof, M. Y. Z. M., & Haris, Z. (2014). Kepentingan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) dalam pengajaran Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) terhadap komuniti pekak. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik (JuKu)*, 2(4).

Rashid, S. M. M., Alias, N., & Ismail, Z. (2017). Isu dan cabaran dalam penggunaan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) untuk pengajaran Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA). *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*.

Sallehin, S. A., & Ab Halim, F. (2018). Penggunaan alat bantu mengajar berdasarkan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah menengah Zon Benut. *Online Journal for TVET Practitioners*.

Mustaffa, Z., Hussin, Z., & Sulaiman, A. M. (2021). Pedagogi terbeza untuk pengajaran guru terhadap kepelbagaiannya murid. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(9), 202–214.

Mustaffa, Z., Hussin, Z., & Sulaiman, A. M. (2021). Tahap pengetahuan kurikulum dan amalan pedagogi terbeza guru-guru Pendidikan Islam Zon Selatan Malaysia. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 7(2), 1–11.

Syar Meeze Mohd Rashid (Corresponding author)  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43600, Bangi Selangor, Malaysia  
Email: cikgumeeze@ukm.edu.my

Mohammad Faris Ridhuan Che Hussin  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600, Bangi Selangor, Malaysia  
Email: farisridhuanch@gmail.com